

10/03/2001

Nik Aziz anggap matlamat pertemuan bawa kebaikan

KOTA BHARU, Jumaat - Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, menyifatkan matlamat pertemuan Umno-Pas bagi membincangkan perkara membabitkan kepentingan Melayu seperti hak keistimewaan orang Melayu, kedudukan Islam, bahasa kebangsaan dan status Raja-Raja Melayu seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, boleh membawa kebaikan untuk semua.

Beliau bagaimanapun berkata, sebelum pertemuan itu menjadi kenyataan, Umno perlu memenuhi tiga syarat Pas membabitkan royalti minyak kepada Terengganu, penerbitan Harakah dan kerajaan menolak cadangan Umno supaya penggunaan perkataan Islam pada parti politik digugurkan.

"Dari segi kenyataan Perdana Menteri itu, memang benda molek. Baguslah, dah molek dah tu.

"Saya ni orang hati lembut, kalau pujuk-pujuk sikit sayang selalu, kadang-kadang kena marah pula," katanya kepada pemberita selepas solat Jumaat di Masjid Kampung Tanjung Baru, Pantai Cahaya Bulan (PCB), dekat sini hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika mengumumkan matlamat itu semalam menjelaskan, perbincangan mengenainya perlu berikutan ada usaha kumpulan tertentu untuk mencabar dan mempersoalkan hak-hak berkenaan.

Sehubungan itu, katanya, parti politik yang mewakili orang Melayu seperti Umno dan Pas perlu mengetepikan perbezaan serta kepentingan politik mereka bagi mempertahankan peruntukan perlembagaan.

Ditanya sama ada Pas melihat pertemuan yang dicadang Umno itu mempunyai kebaikan, Nik Abdul Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan berkata, Pas sudah membuat keputusan dan menerima untuk bertemu dengan Umno.

"Pertemuan ni memang kita dah buat keputusan, dah terima walaupun parti-parti lain tak setuju. Pas ni parti dakwah, dakwah ni makna ajak orang. Orang tak nak mari pun kita ajak dia.

"Inikan pula orang yang nak mari, makin lagi kita setuju. Jadi, Umno ajak kita nak berjumpa, kita terima kasihlah," katanya.

Mengenai syarat Pas untuk perbincangan itu, Nik Abdul Aziz berkata, ia sudah diputuskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Agung Pas Pusat yang tidak boleh diubah.

"Itu tidak boleh diubah. Kami sudah putuskan dalam jawatankuasa agung yang tidak boleh nak ubah dah kerana semua perundingan di muka dunia ni ada syarat belaka," katanya.

Ditanya sama ada kegagalan Umno memenuhi tiga syarat itu bermakna pertemuan Umno-Pas tidak akan berlaku, beliau berkata: "Kalau mengikut pada saya memang begitulah."

Di YAN, Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Mat Isa, berkata parti itu sedia mendengar agenda membabitkan kepentingan Melayu dalam mesyuarat ketiga Jawatankuasa Teknikal Umno-Pas nanti.

Bagaimanapun, parti itu hanya akan memutuskan sama ada bersetuju dengan agenda berkenaan atau sebaliknya selepas ia dibincangkan pada peringkat Jawatankuasa Pas Pusat di Kuala Lumpur, 18 Mac ini.

Pada masa sama, katanya, Pas tetap bertegas supaya Umno memenuhi tiga prasyarat dikemukakan Pas pada 18 Februari lalu.

Ketika ditemui selepas berceramah di Kampung Titi Teras, dekat sini, malam tadi, beliau berkata Pas menghormati hak keistimewaan orang Melayu, kedudukan Islam, bahasa kebangsaan dan status Raja-Raja Melayu seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, tetapi menganggap usaha Umno

untuk membincangkannya pada peringkat pemimpin tertinggi kedua-dua parti sebagai bersifat perkauman.

Sehubungan itu, katanya, Pas menolak sebarang usaha untuk membincangkan hanya kepentingan Melayu sedangkan parti itu, yang mendukung perjuangan Islam tidak bersifat sedemikian.

Mengenai kesediaan Perdana Menteri untuk bertemu Pas, walaupun dalam perbincangan tidak formal, Nasharuddin berkata:

"Kami tak ada masalah untuk bertemu Dr Mahathir di Parlimen 19 Mac ini. Kalau dia tanya apa khabar? Khabar baik. Dah makan? Dah. Kalau kita ada agenda, tiga jam pun tak habis," katanya.

Ditanya mengenai bila mesyuarat ketiga Jawatankuasa Teknikal Umno dan Pas itu diadakan, beliau berkata Pas masih menunggu surat rasmi daripada Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob.

Katanya, tarikh yang dicadangkan Khalil sebelum ini, iaitu 3, 4 dan 5 Mac tidak sesuai kerana ia terlalu hampir dengan Aidiladha, Selasa lalu.

Setakat ini, Jawatankuasa Teknikal kedua-dua parti sudah mengadakan dua mesyuarat, masing-masing pada 8 Februari dan 16 Februari lalu.

Sementara itu, Ketua Dewan Pemuda Pas Pusat, Mahfuz Omar, berkata topik perbincangan yang dibangkitkan oleh Dr Mahathir itu mengelirukan.

Menurutnya, Jawatankuasa Teknikal Umno dan Pas sebelum ini sudah bersetuju kepada empat agenda yang dibawa oleh Pas iaitu pemulihan demokrasi, ekonomi, badan kehakiman dan kedudukan Islam.

"Skop perbincangan juga sudah dipersetujui iaitu perpaduan nasional, cuma prasyarat Pas untuk mengadakan perbincangan yang masih belum diputuskan, tetapi isu yang dibangkitkan berlainan pula," katanya.

Mahfuz mendakwa, Dr Mahathir mempunyai agenda lain apabila membangkitkan isu mengenai hak keistimewaan Melayu, kedudukan agama Islam, bahasa kebangsaan dan status Raja-Raja Melayu.

(END)